

'Bukan rampasan kuasa tentera, tiada perintah berkurung'

PM beri jaminan pentadbiran awam berfungsi seperti biasa sepanjang darurat dikuatkuasakan

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Mohd Nasaruddin Parzi dan Luqman Arif Abdul Karim bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pengisytiharan darurat oleh Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, yang berkuat kuasa sehingga 1 Ogos depan, bukan satu bentuk rampasan kuasa tentera dan tiada perintah berkurung dilaksanakan, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya sepanjang tempoh darurat itu, pentadbiran awam di peringkat Kerajaan Persekutuan dan negeri, akan terus berfungsi seperti biasa.

"Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Majlis Kerajaan Negeri akan terus berfungsi mengikut Perlembagaan Persekutuan.

"Malah saya beri jaminan, jentera perkhidmatan dan pentadbiran awam, kerajaan negeri tidak akan terganggu dengan pengisytiharan darurat ini," katanya menerusi perutusan khas yang disiarkan secara langsung, semalam.

Perdana Menteri tampil menyampaikan perutusan itu selepas Seri Paduka mengisytiharkan Proklamasi Darurat sebagai langkah proaktif membendung dan melandaikan kes positif harian COVID-19 yang merekodkan empat angka sejak Disember lalu.

Menyedari kekusaran mungkin timbul dalam kalangan masyarakat, Muhyiddin meminta rakyat

terus bertenang dan memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk membendung penularan COVID-19 dengan lebih berkesan sepanjang tempoh darurat berkuat kuasa.

Beliau turut mengajak semua ahli politik, pemimpin masyarakat sivil, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), badan agama, belia, mahasiswa dan setiap lapisan masyarakat bersatu serta berganding bahu dalam menghadapi situasi sukar ini.

"Yang penting, matlamat kita hanyalah satu iaitu kita mesti menang dalam memerangi COVID-19. Marilah kita mengamalkan disiplin sendiri dengan lebih ketat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan darurat.

"Mudah-mudahan kita akan dapat melandaikan lekuk jangkitan COVID-19 dengan segera, seterusnya mengurangkan tekanan ke atas sistem kesihatan negara yang sedang terbeban dengan peningkatan kes positif COVID-19 saban hari," katanya.



Muhyiddin menyampaikan perutusan khas darurat disiarkan secara langsung menerusi stesen televisyen tempatan, semalam. (Foto BERNAMA)

Yang penting, matlamat kita hanyalah satu, iaitu kita mesti menang dalam memerangi COVID-19. Marilah kita mengamalkan disiplin sendiri dengan lebih ketat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan darurat.

*Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri*